



# Kejayaan Terukir Di BioMalaysia 2010

UniMAP telah menyertai Pameran dan Persidangan BioMalaysia sejak kali pertama diadakan pada tahun 2006. Pada awal penganjurannya, pameran ini lebih bersifat mempromosikan informasi, produk dan teknologi yang berasaskan bioteknologi kepada masyarakat umum. Namun sejak BioMalaysia 2009, pihak Bio Tech Corp. selaku penganjur telah mula membuka ruang kepada penyelidik dan saintis dari seluruh Malaysia untuk mempertandingkan produk-produk penyelidikan yang telah dihasilkan.

Bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, UniMAP telah menghantar 12 produk penyelidikan menyertai pameran selama tiga hari yang bermula dari 1 sehingga 3 November 2010. Hasilnya, UniMAP telah berjaya mengutip 10 pingat dari pameran kali ini. Keputusan tersebut adalah menyamai pencapaian tahun 2009 di mana UniMAP turut memenangi 10 pingat iaitu satu pingat emas, tiga pingat perak dan enam pingat gangsa. Namun, pada tahun 2010 ini, para penyelidik UniMAP telah berjaya memperbaiki keputusan dengan membawa pulang empat pingat emas dan masing-masing tiga bagi pingat perak dan gangsa.

Dengan pungutan 10 pingat yang dimenangi ini, sekaligus telah menempatkan UniMAP berada di tangga ketiga dari senarai kesemua IPT yang bertanding pada tahun ini. Lebih manis lagi apabila produk Automated Intelligent Grading System For Local Fruits Using Vision Infrared E-Nose & Acoustic: Connecting Biology With Technology' yang dihasilkan oleh kumpulan

penyelidik UniMAP, diketuai Ammar Zakaria telah dinobatkan sebagai pemenang anugerah utama 'Grand Award - Bio Tech of the Year'.

Syabas dan tahniah kepada semua penyelidik yang telah mengharumkan nama UniMAP di pameran BioMalaysia kali ini. Semoga kejayaan ini akan dapat memberi inspirasi dan perangsang kepada semua penyelidik UniMAP untuk lebih giat menghasilkan produk-produk penyelidikan yang bernilai tinggi di masa-masa hadapan.

